

# Abdullah angkat sumpah PM kelima

UM 31 OCT 2003

KUALA LUMPUR 30 Okt. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri kelima dalam satu upacara penuh bersejarah di Istana Negara, esok.

Istiadat itu yang akan dilakukan di hadapan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail, secara rasmi menandakan sempurnanya penyerahan jawatan Perdana Menteri daripada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kepada Abdullah.

Upacara yang diadakan di Balairung Seri itu akan bermula pada pukul 3 petang dan akan disiarkan secara langsung menerusi saluran perdana Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) serta TV3.

Berikut adalah atur cara penuh majlis:  
**2.40 petang** — Ketibaan Abdullah dan isteri, Datin Seri Endon Mahmood di Istana Negara.

**2.45 petang** — Ketibaan Dr. Mahathir dan isteri, Dr. Siti Hasmah di Istana Negara.

**3.10 petang** — Keberangkatan masuk Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong ke Balairung Seri.

**3.15 petang** — Istiadat Pengurniaan Suratcara Pelantikan dan Istiadat Mengangkat Sumpah Jawatan dan Taat Setia serta Sumpah Menyimpan Rahsia oleh Abdullah sebagai Perdana Menteri dimulakan.

\* Abdullah akan menandatangani keempat-empat salinan suratcara lantikan.

## di Istana Negara hari ini

\* Dr. Mahathir dan isteri meninggalkan Istana Negara diikuti Abdullah dan isteri.

**4 petang** — Dr. Mahathir dijadual tiba di Pejabat Perdana Menteri di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, diikuti oleh Abdullah.

\* Dr. Mahathir dan Abdullah mengadakan pertemuan tertutup.

\* Upacara serah tugas Perdana Menteri secara simbolik oleh Dr. Mahathir kepada Abdullah.

**4.45 petang** — Dr. Mahathir mengetip kad perakam waktu untuk kali terakhir sebagai Perdana Menteri.

**4.50 petang** — Dr. Mahathir ke Laman Perdana untuk menghadiri majlis perpisahan dengan kakitangan Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan.

\* Selepas upacara itu, Dr. Mahathir akan pulang ke kediaman rasmi di Seri Perdana.